

## 1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian yang telah selesai dijalankan ini bertujuan untuk melihat secara umum penglibatan belia daripada ECER (Wilayah Ekonomi Pantai Timur) dalam sektor pertanian termasuk aktiviti agro industri dan aktiviti hiliran. Kajian ini adalah penting oleh kerana sebahagian besar aktiviti masyarakat di ECER adalah pertanian dan bagi menjamin kesinambungan dalam sektor ini, belia memainkan amat penting yang akan menjadi pelapis kepada sumber manusia yang ada kini di dalam sektor ini. Dengan andaian tersebut, adalah wajar untuk menilai penglibatan belia semasa sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran sektor pertanian pada masa akan datang.

Kajian yang telah dijalankan ke atas belia di tiga (3) negeri dalam ECER memberi hasil dan penemuan seperti berikut:

- 1.1 Belia di ECER yang berumur antara 26 – 40 tahun telah digunakan dalam kajian mempunyai latar belakang pendidikan yang sangat luas daripada tidak bersekolah hingga ke yang memiliki kelulusan Doktor Falsafah. Setinggi 19.2% daripada responden tidak bersekolah, manakala yang tidak mempunyai pekerjaan adalah sebanyak 11.6%
- 1.2 Bagi yang bekerja, 27.6% mempunyai pendapatan kurang daripada RM500 dan daripada jumlah ini 75.7% tidak terlibat dengan pertanian.
- 1.3 Hanya sebanyak 17.7% daripada belia di ECER yang terlibat dalam sektor pertanian dengan aktiviti pertanian utama terdiri daripada penanaman dan pengkebunan tanaman kontang atau peternakan ayam dan itik. Sebab utama belia tidak menceburi sektor pertanian adalah tidak berminat
- 1.4 Belia yang menceburi sektor pertanian menjalankan aktiviti pertanian sama ada sebagai kerjaya hakiki atau sebagai aktiviti sampingan kerana telah memiliki kerja tetap dengan pendapatan yang tetap. Penglibatan mereka ini adalah semata-mata berdasarkan minat dalam sektor pertanian.

- 1.5 Bagi yang mengusahakan aktiviti pertanian, mereka juga berhadapan dengan masalah yang terdiri daripada ketiadaan teknologi terkini dan kepakaran sokongan dalam pertanian, kekurangan pekerja dan kekurangan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan daya pengeluaran pertanian.
- 1.6 Ramai belia berpandangan bahawa pertanian merupakan bidang yang patut diceburi oleh kerana kerajaan amat komited membantu para petani. Namun, kerana kurangnya minat menyebabkan mereka tidak terlibat dalam pertanian.
- 1.7 Belia yang pernah terlibat dalam pertanian tetapi berhenti tahu yang pertanian boleh menjamin masa depan kerjaya mereka tetapi akan memilih pertanian sebagai kerjaya terakhir berdasarkan pengalaman yang telah dilalui. Ini memberi pengertian bahawa mereka tidak mampu untuk mengatasi segala cabaran dan masalah sepanjang mengusahakan pertanian
- 1.8 Bidang pertanian yang diminati oleh kebanyakan belia adalah penanaman dan pengkebunan tanaman kontang kerana pengetahuan tentang peluang pertanian lain tidak dimiliki.
- 1.9 Selain para belia tidak berminat dalam sektor pertanian, belia yang tidak mahu menceburi pertanian juga merasakan tiada sokongan dan bantuan yang diberikan oleh pihak berwajib untuk menjayakan pertanian. Di samping itu, kekurangan sumber kewangan, tanah, peralatan pertanian dan maklumat aktiviti pertanian juga menyumbang kepada kurangnya penglibatan belia dalam pertanian.
- 1.10 Para belia tidak menganggap pekerjaan pertanian sebagai memalukan, atau kotor dan busuk, dan mereka tidak hirau tentang pandangan rendah oleh masyarakat.
- 1.11 Belia sanggup untuk terlibat dalam pertanian sekira mendapat sokongan dan bantuan daripada kerajaan atau agensi berkaitan, di samping agensi tertentu dapat menyediakan tapak/tanah untuk pertanian.

- 1.12 Kerajaan masih perlu meningkatkan kempen untuk menggalakkan belia untuk terlibat dengan sektor pertanian, dan juga meningkatkan penganjuran bengkel dan kursus pertanian. Selain daripada itu bagi yang telah menjayakan pertanian, program pemindahan teknologi pertanian kepada petani perlu dipermudahkan.
- 1.13 Belia yang telah menceburkan diri dalam pertanian juga masih memerlukan peningkatan dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi terkini dalam bidang pertanian.